

BAB KEEMPAT: PERTEMBUNGAN PERADABAN MELAYU BRUNEI DENGAN PERADABAN BARAT

4.1 Pengenalan

Dalam menganalisa perkembangan naik dan turun peradaban Melayu di Brunei Darussalam, dalam bab ini kajian akan dibuat untuk melihat bentuk dan impak pertembungan peradaban Barat dengan peradaban Melayu. Penelitian akan dibuat berdasarkan teori alunan Akbar Ahmad dan teori evolusi peradaban Carol Quigley dengan melihat ciri-ciri pelbagai tahap bagi menentukan pertembungan tersebut meletakkan peradaban Melayu berada pada tahap mana.

4.2 Interaksi Dengan Peradaban Barat

Di dalam membincangkan pertembungan Peradaban Melayu dengan Peradaban Barat, penulis akan membincangkan pertembungan tersebut yang meliputi kesemua kuasa Barat yang pernah datang ke alam Melayu seperti Portugis, Belanda, Sepanyol, Amerika dan British.

4.2.1 Portugis

Portugis merupakan salah satu kuasa Barat yang awal yang telah berinteraksi dengan peradaban Melayu di Brunei. Diantara interaksi awal Portugis dengan Peradaban Melayu di Brunei menurut Nichol(1975) adalah berdasarkan sepucuk surat Rui de Brito Patalim, Kapten Jeneral Melaka kepada

Raja Portugal, King Manuel I bertarikh 6 Januari 1514, yang menceritakan kedatangan orang Brunei ke Melaka.

"There came from Burneo to this city (Malacca) three junks; they brought seed pearls and provisions, in addition to other foodstuffs. The King is a pagan, but the merchants are moors. Borneo is a great island, which lies between China and the Moluccas."

(Nichol, 1975:4)

Ternyata Portugis mengakui kekuatan dan kedaulatan serta ketinggian tahap peradaban yang ada di Brunei pada waktu tersebut seperti yang disebut

"... the Borneans, for they (Portuguese) considered that people as valiant, since they are accustomed to go to Malacca, Pegu and other places for the sake of plunder, and Borney was very strong."

(Blair & Robertson, tt:221)

Interaksi awal antara Brunei – Portugis lebih melibatkan perniagaan. Berdasarkan satu surat Bras Bayao, seorang akauntan Portugis di Brunei, menjelaskan satu fakta bahawa pada 1527, Portugis mempunyai kilang ataupun satu penempatan perniagaan di Brunei yang menggambarkan wujudnya interaksi tersebut. Nicholl menyebut:

"Another point of interest which emerges from the letter is the fact that by 1535 the Portuguese had a permanent factory, or commercial establishment, in Brunei. Portuguese ships had been calling at Muara on their way to Moluccas since 1527, and Portuguese merchants had been trading between Malacca and Brunei since at least 1526. It is probable, however, that the factory

was established after the visit of Goncalo Pereira in 1530.”

(Nicholl, 1983: 51)

Hubungan Brunei Portugis yang bersifat hubungan perdagangan ini bersandarkan kepada prinsip ‘*reciprocal advantages*’ bagi membolehkan peluang perdagangan yang seimbang. (Ranjit Singh, 1984:22). Oleh kerana hubungan Brunei dan Portugis lebih melibatkan perdagangan sahaja, jadi tidak terdapat dengan jelas kesan dan pengaruh Portugis terhadap Peradaban Melayu di Brunei.

4.2.2 Belanda

Berkaitan interaksi Brunei dengan Belanda pula terdapat beberapa catatan berdasarkan sumber barat.

“A distinctly unfavourable reception marked our first arrival on the north coast of Boerne, because the famous Admiral Oliver Van Oort, who appeared in a beautiful Bay of Brunei on 26th December 1600, and who stayed there a few days to exchange some cuirasses and cloth against pepper, already on the 5th January 1601, had to leave, feeling furious, because the inhabitants of the island and Chinese, who were there from Patani, although treated with the utmost kindness, all the time were plotting treacherously against him, and tried to take possessions of his ship.” (R. Braddell, 1949:6-7)

Interaksi Brunei-Belanda wujud dalam beberapa bentuk; perniagaan dan juga diplomatik. Terdapat usaha di pihak Brunei untuk menawarkan kemudahan perniagaan kepada Belanda di Brunei.

"In 1614 the King of Brunei, on the occasion of a legation to the Queen of Patani, declared in a written document his friendly disposition to our merchant there, Hendrik jansz Groningen, declaring that his land would be open to the Dutch and that he would allow them in the same terms as did the people of Patani, requesting him at the same time to open an office or trading-post in his country. Hendrik jansz expresses his gratitude to the Sovereign's, and further informed him that for the time being he had unable to take advantage of this generous offer, because he had no people to spare at Patani, nor had he received instructions to open an office at Borneo, but that he will bring the Sovereign's letter to the notice of the Governor General." (R. Braddell, 1949:13)

Walau bagaimanapun, Kerajaan Belanda tidak menerima tawaran Raja Brunei ini. Berdasarkan petikan ini, nampaknya ada hubungan antara dua belah pihak walaupun secara tak rasmi. Selain daripada itu, interaksi kedua belah pihak juga berlaku melalui hubungan perniagaan di Batavia yang dikuasai Belanda.

"It seems that that time the natives of Brunei came to trade in Batavia quite regularly. They were always treated with kindness. Through them the Indies Government in return gave assurance, on the 25 April and 9 July 1635, of its continued friendly disposition towards the Paduka Seri Sultan, who were several times was

engaged in the wars against the Spaniards with the Sulu islanders." (R. Braddell, 1949:25)

Selain daripada interaksi berdasarkan ekonomi, terdapat juga beberapa rombongan diplomatik Brunei-Belanda dalam bentuk hubungan politik dan pertahanan.

"For some years the envoys of Brunei, who one used to see Batavia every year, were expected in vain, so that the Indies Government worried about this, and fearing that this fertile region might be harassed by internal disturbances, or by one or other adversity of the war, sent there on the 18 July 1650 the Malays Enche Hodja and Enche Mangsor, in order to ascertain the situation of the Kingdom, and to enquire after the wellbeing of the Sultan. "Because", wrote the Governor General to the Sultan. His Majesty used to send an Ambassador up till now with monsoon. It is my belief that we have been in close friendship from very ancient times until now". Further the Governor took his opportunity to let the Sultan know that the peace between the Prince of Orange and the King of Spain had become a fact in January 1648, and that therefore also a peace had to be kept between our people and the Castilians of Manila, but that we had again started the war with the Portuguese and those of Goa." (R. Braddell, 1949:30)

Namun interaksi Brunei-Belanda juga melalui zaman kemerosotan apabila ia mula renggang. Belanda menolak permohonan Brunei pada 22 Julai 1654 untuk mendapat bantuan menghadapi Sepanyol. Ini berkemungkinan disebabkan Perjanjian Westphalia (Peace of Westphalia) dan juga Belanda melihat lebih menguntungkan jika mereka berurus dengan perniagaan dengan Sepanyol dan

penduduk Manila daripada terlibat dengan perperangan. Namun kemerosotan hubungan kedua belah pihak tidak membawa kepada konflik perperangan dan pertumpahan darah.

"It seemed however that the Sultan sent a delegation to Batavia for the last time in the 17th century between the years 1680 and 1690. Possibly it was in connection with the agreement between the Governor of Manila and the Sultan of Brunei, which had been made about 1685." (R. Braddell, 1949:32)

Namun dalam abad ke-18, terdapat usaha untuk meneruskan hubungan kedua belah pihak. Beberapa lawatan dan lawatan balas dibuat dan diterima oleh Kerajaan Brunei dengan pihak Belanda di Betawi, termasuklah lawatan perniagaan dan diplomatik.

"On the 1 September, 1721 envoys from the Sultan of Brunei arrived also at Malacca. The Sultan called himself at the time "Paduka Sultan Ma-Alam Malicu Mataram Lalullah Fil Alam", who rules Borneo Daru Salam with all its dependencies." One again the Sovereign wished to established friendly relations" although a long time has passed since previous approaches". The Governor of Malacca, Herman van Suchtelen, on the 13 October 1721 declared in writing his willingness "again to begin and to keep up warm friendship". " (R. Braddell, 1949L32-33)

Kedua-dua belah pihak cuba untuk membaiki hubungan diplomatik yang pasti juga akan membuka peluang kepada perdagangan dan lain-lain.

Seperti mana juga interaksi Peradaban Melayu Brunei dengan Portugis, bentuk interaksi dengan Belanda adalah baik dan harmoni.

4.2.3 Sepanyol

Interaksi antara Brunei dengan Sepanyol lebih sering dibincangkan oleh para pengkaji samada pengkaji barat mahupun pengkaji tempatan. Ini disebabkan bentuk interaksi antara keduanya berbeza dibandingkan dengan dua kuasa barat yang dibincangkan lebih awal. Menurut Wan Hussein Azmi Wan Kadir hubungan antara Brunei dan Sepanyol bermula apabila Brunei mula dikunjungi oleh orang Sepanyol pada tahun 1521 Masehi. Magellan yang membawa bendera Sepanyol tiba di Brunei pada tahun tersebut. Namun hubungan awal ini tidaklah begitu baik kerana Brunei melihat seolah-olah ada tanda-tanda mereka mempunyai maksud lain terhadap Brunei (Wan Hussein Azmi Wan Kadir, 1995:1107). Namun pada peringkat awal ini, Sepanyol melihat Brunei sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai kekuatan yang sukar untuk terus dikuasai. Lagipun pada masa itu, jumlah mereka yang kecil sudah tentu tidak dapat menentang kekuatan Brunei. Maka mereka beralih ke kawasan berdekatan iaitu kepulauan yang dipanggil San Lazarus/Filipina. Sepanyol yang telah bertapak di Luzon dan bercita-cita untuk mengembangkan tujuan kedatangan mereka iaitu 3G; God (Kristian), Glory (Ratu) dan Gold (Penguasaan ekonomi). Dalam usaha mencapai tujuan tersebut, Sepanyol telah melihat Brunei sebagai batu penghalang. Ini disebabkan Kerajaan Brunei merupakan kubu dan benteng kuat agama Islam yang juga bersifat agama

dakwah seperti agama Kristian yang cuba disebarluaskan oleh Sepanyol. Pendapat mereka terhadap Islam yang dilihat sebagai barah menggambarkan sikap dan pandangan mereka

"It is a singular coincidence that within the span of one human life the Spaniard should have finished the secular labor of breaking the power of the Moslem in Spain and have checked his advance in the islands of the antipodes. The religion of the prophet had penetrated to Malaccas in 1276, had reached the Moluccas in 1465, and thence was spreading steadily northward to Borneo and the Philippines. Iolo (Sulu) and Mindanao succumbed in the sixteenth century and when Legaspi began to of Luzon in 1571 he found many Mohammedans whose settlement or conversion had grown out of trade relations with Borneo. As the old Augustinian chronicler Grijalva remark, and his words are echoed by Morga and by the modern historian Montero y Vidal: "so well rooted was the cancer that had the arrival of the Spaniards been delayed all the people would have become Moors, as all the islanders who have not come under the government of the Philippines . . ." (Blair & Robertson, tt:34-35)

Berbeza dengan pendekatan dua kuasa barat yang terdahulu, pendekatan yang digunakan oleh Sepanyol khususnya melibatkan unsur keagamaan ternyata tidak dapat diterima oleh sebuah kerajaan Islam seperti Brunei. Matlamat Sepanyol ini dapat dilihat dengan jelas seperti yang disebut oleh Emma Helen Blair and James Alexander Robertson di dalam buku mereka *The Philippine Islands*. Faktor agama (God) dalam 3G; God, Glory and Gold yang sering dilihat dalam penjelajahan peradaban Barat, jika dianalisa dapat kita lihat dengan jelas

dalam interaksi Brunei-Sepanyol. Beberapa orang penulis menyebut usaha penyebaran Kristianisasi oleh Sepanyol. (Ranjit Singh, 1984:22, C. Adib Majul, 1988:118, Blair and Robertson, tt:48). Blair and Robertson menjelaskan perkara ini dengan katanya seperti berikut

“From the beginning the Spanish establishments in the Philippines were a mission and not in the proper sense of the term a colony. They were founded and administered in the interests of religion rather than of commerce or industry. ... ”(Blair & Robertson, tt:48-49)

Malah, lebih daripada itu, pihak Sepanyol di bawah pimpinan Dr. Francisco de Sande dengan nada menghina memberi amaran kepada Kerajaan Brunei supaya memberhentikan penyebaran Islam. Catatan Blair dan Robertson menukilkan surat Dr. Francisco kepada Sultan Brunei yang memerintah ketika itu

“Further, I desire that you shall no preachers of the sect of Mahoma to any part of these islands, nor to the heathen among the Tingues[hill-people], nor to other parts of your own island .. inasmuch as the doctrine of Mahoma is a false and evil law, and the religion of the Christians alone is holy, and good.” (Blair & Robertson, tth: 154)

Matlamat untuk mengembangkan kekuasaan Raja Sepanyol (Glory) juga dapat kita lihat dalam surat Dr. Francisco kepada Sultan Brunei

"I, Doctor Francisco de Sande, governor and captain-general for his Majesty, in these islands and districts of the West, by order of his Majesty, the king of Castilla and Leon, my sovereign, Don Ffeliipe, the greatest king and most powerful sovereign in the world, send this letter by these messengers to you, Outardo Soltan Lixar, king of Borney, so that you may know my will, and what I require." (Blair & Robertson, tth: 152)

Selain daripada itu, dasar ‘white man’s burden’ dapat kita lihat dalam kenyataan berikut

"The Spanish policy aimed to preserve and civilize the native races, not to establish a new home for Spaniards. ..." (Blair & Robertson, tth: 35)

Gambaran pandangan mereka terhadap orang tempatan sebagai tidak bertamadun dan mereka datang untuk mentamadunkan mereka dapat dapat dilihat dalam beberapa petikan. Antaranya

"The natives are all very idle. If they would but apply themselves to work a little of the time, they could have all they wanted; but as it is a hot country and they are barbarians, they go naked. ... Therefore they are afflicted by no poverty, and only seek to kill one another, considering it a great triumph to cut off one another's heads and takes captives." (Blair & Robertson, tth: 98-99)

Apabila Sepanyol merasakan kekuatannya sudah ada, ia mula mengembangkan pengaruhnya dalam mencapai matlamat utama untuk 3G tersebut. Usaha Sepanyol pada tahun 1615 ini disebut oleh Nichols seperti berikut:

"All the evils comes from the lack of labourers, by reason of which the great Borneo, distant from Malacca two hundred leagues, is not wholly converted to the faith, the islanders being half Muslim and half pagan, and well affected to the Gospel. And father Pereira proved this well, who being shipwrecked was kindly treated by the king of the island, as the Father Visitor relates, who asked urgently for other Fathers of the Company." (Nichols, 1975:91)

Kapten Fransisco de Sande menceritakan tentang Brunei dalam catatannya

"... while about one hundred and fifty leagues from us is the king of Borneo- who is also a Moro, and in constant communication with the first named kings; and the whole archipelago would willingly render obedience and pay tribute to him, if we were not here. These Moros of Borneo preach the doctrine of Mahoma, converting all the Moros of these islands." (Blair & Robertson, tth: 65-66)

Dalam mencapai matlamat tersebut. Sepanyol melihat Brunei sebagai penghalang utama. Ini menimbulkan konflik dalam interaksi mereka. Kemuncak kepada konflik tersebut ialah berlakunya perang Kastila. Sebaliknya Brunei pula melihat Sepanyol sebagai pengacau di kawasan tradisinya, wilayah Melayu.

Brunei juga melihat sebagai tanggungjawabnya sebagai sebuah kesultanan Islam untuk menjadi penghadang kepada penyebaran Kristian ke wilayah Melayu lain.

Pertembungan yang penuh dengan konflik ini dapat dilihat dalam tulisan Adib Majul

“Memanglah difahami mengapa orang Brunei tidak gembira dengan kedatangan orang Sepanyol ke Filipina. Kerana hal ini bukan sahaja menjadi gangguan terhadap kegiatan-kegiatan perdagangan mereka, tetapi juga menjadi ancaman kepada pengaruh politik mereka yang semakin meluas, menimbulkan bahawa keluarga diraja Manila dan Sulu itu ada hubungan persaudaraan dengan keluarga diraja Brunei. Lebih-lebih lagi orang asing yang menganut agama lain dianggap sebagai ancaman kepada agama mereka. Sebaliknya orang Sepanyol menganggap orang Borneo itu bukan sahaja sebagai saingan perdagangan tetapi sebagai ejen untuk memperkuatkan Islam di Filipina- suatu agama yang mereka bersumpah untuk melenyapkannya.” (Adib Majul, 1988: 113)

Memang difahami mengapa orang Brunei tidak gembira dengan kedatangan Sepanyol ke Filipina. Ajaran Islam yang telah mengakar umbi dalam budaya Melayu di Brunei ternyata tidak dapat menerima kedatangan orang Sepanyol yang ingin menyebarkan ajaran Kristian. Ditambah lagi dengan keangkuhan dan cara kekerasan yang digunakan oleh orang Sepanyol. Tujuan kedatangan Sepanyol ini disebut oleh Majul

“Orang-orang Sepanyol datang ke alam Melayu bukan saja dengan tujuan untuk memperluaskan kekuasaan empayar mereka dan penguasaan dari segi ekonomi, tetapi juga dengan tujuan memperkenal seterusnya memperkembangkan agama Kristian Katolik. (C. Adib Majul, 1988:118)

Brunei tidaklah sekali-kali berpeluk tubuh sahaja kerana musuh yang menyerang kaum muslim di Filipina itu mampu menggugat kedaulatan Brunei sendiri. Perkembangan ini diikuti oleh pemerintah Brunei dan beliau mengambil beberapa tindakan bagi mempertahankan kedaulatan wilayah Brunei Darussalam. Ternyata pertembungan yang diwarnai konflik antara keduanya tidak dapat dielak dan membawa kepada peperangan. Perang Kastila merupakan satu contoh konflik antara peradaban Melayu dengan peradaban Barat. Perang yang berlaku pada tahun 1578 telah memberi kesan besar kepada peradaban Melayu seperti yang dijelaskan oleh Sanib Said

“Perang Kastila yang tercetus pada bulan April 1578 di antara dua buah kuasa besar Melayu-Islam Brunei dengan Eropah-Kristian Sepanyol merupakan satu peristiwa sangat penting dalam sejarah Brunei khususnya dan Nusantara amnya. Sepanyol telah berjaya menjajah pulau-pulau yang didiami oleh bangsa Melayu yang mereka namakan Philippines. ... Brunei hampir-hampir dijajah oleh Sepanyol apabila pada mulanya kalah dalam Perang Kastila itu tetapi dalam jangka masa yang singkat, iaitu 72 hari Brunei berjaya menghalau askar-askar Sepanyol.” (Sanib Said, 1994:124)

Sepanyol dan Perang Kastila telah menjadi satu titik hitam dalam interaksi peradaban Barat dengan peradaban Melayu. Interaksi awal antara peradaban Melayu dengan peradaban Barat di Brunei yang dalam keadaan harmoni dan

aman walaupun mungkin tidak semesra peradaban China dan peradaban Islam dicemari oleh tindakan Sepanyol. Ranjit Singh dengan jelas menyimpulkan interaksi antara Brunei Darussalam dengan Sepanyol berbeza dengan negara lain sebelumnya iaitu ia ditandai dengan konflik.

“Relations with the Spaniards, in contrast to the Portuguese were marked by conflict. ... The resulting conflict was a classic example of the fight between two rival powers for spheres of control.”

(Ranjit Singh: 1984:22)

4.2.4 Amerika Syarikat

Tidak terkecuali, Amerika juga salah satu kuasa Barat yang juga bertembung dengan Brunei. Ia melibatkan seorang Konsul Amerika, Charles Lee Moses yang berjaya mendapat hak pemajakan selama sepuluh tahun daripada Sultan Brunei pada 11 Ogos 1865 untuk wilayah dari Sulaman hingga Sungai Putatan. Diikuti dengan beberapa lagi daerah lain. Namun Moses menjual hak pemajakan tersebut kepada seorang lagi warganegara Amerika, Joseph Torrey. Rentetan daripada penguasaan pajakan oleh warga Amerika ini, akhirnya sebahagian lagi wilayah Brunei terlepas kepada kuasa Barat yang baru iaitu British pada November 1881. Pengaruh British di Borneo Utara semakin kukuh berikutan dengan beberapa lagi perjanjian penyerahan. (Zainun Johari, 1989:57, Buyong Adil, 1981:3)

4.2.5 British

Berbeza dengan British yang datang kemudian, kuasa Barat ini lebih bersifat diplomatik. Mungkin mereka mempelajari daripada pengalaman orang Sepanyol dan juga kuasa barat lain berinteraksi dengan peradaban Melayu di tempat lain di alam Melayu. Dalam masa yang sama juga, Brunei dalam keadaan merosot kekuatannya. Menjelang kurun Masehi ke-18, kekuatan Brunei mula merosot. Penguasaan mereka ke atas beberapa wilayah seperti Sarawak dan Borneo Utara semakin longgar. Apabila era kolonialisasi Barat ke atas kebanyakan negara pada awal abad 19, Brunei juga tidak terkecuali. Kesan daripada Gelombang Kedua, Gelombang Era Industri juga ternyata memberi kesan kepada peradaban Melayu di Brunei. Keperluan Barat kepada bahan mentah dan mencari pasaran baru, menjadikan mereka mula menjajah alam Melayu. Belanda di Indonesia, Amerika Syarikat di Filipina manakala British di Tanah Melayu dan Kepulauan Borneo termasuklah Brunei. Bermula dengan terlepasnya Sarawak kepada James Brooke, seterusnya membawa kepada satu demi satu wilayah jatuh kepada kuasa Barat sehingga akhirnya Brunei berhadapan secara terus dengan kerakusan kuasa Barat ini.

Justeru itu, pengkaji cuba mengemukakan sikap kolonial British yang datang ke alam Melayu dengan tujuan ekonomi dan politik. Namun begitu, mereka cuba mengaburi mata masyarakat tempatan dengan motif bahawa kedatangan mereka mentamadunkan masyarakat tempatan daripada kemunduran. Kedatangan mereka dengan pelbagai teknologi baru serta diikuti dengan

memperkenalkan sistem barat samada dari segi ekonomi, politik mahupun sosial telah menarik masyarakat tempatan untuk berbaik dengan British. Dengan itu secara tidak langsung telah membawa kepada, penjajahan British di alam Melayu apabila berlakunya campur tangan British dalam aspek politik.

British mula bertapak secara langsung di Brunei apabila perjanjian *The Treaty of Friendship and Commerce* ditandatangani pada 25 Mei 1847. Kesan kepada perjanjian ini ialah ia memberi ruang kepada peluasan kuasa British di Brunei. Pertembungan dengan kuasa Barat khususnya British ini ternyata berbeza dengan bentuk pertembungan dengan peradaban asing sebelum ini. Pertembungan sebelum ini yang melibatkan sfera kebudayaan dan perdagangan yang menguntungkan kedua belah pihak, kini mula berubah kepada penjajahan. Akhirnya melalui satu lagi perjanjian iaitu *The Protectorate Agreement 1888* pada 17 September 1888 membawa kepada Brunei menjadi negara naungan British.

Seterusnya perjanjian tambahan Perjanjian Brunei-British 1905-1906 membawa impak besar kepada salah sebuah pusat peradaban Melayu ini, apabila British meletakkan Residen di Brunei. Walaupun dikatakan Residen hanya penasihat kepada Sultan, namun hakikatnya pentadbiran sedikit demi sedikit telah diambil alih oleh British dan seterusnya menjadikan Brunei sebuah jajahan British sepenuhnya. Perubahan yang diperkenalkan oleh British ternyata telah memberi impak besar kepada sistem pemerintahan di Brunei.

4.3. Analisis Pertembungan

Ternyata pertembungan antara Peradaban Melayu dan Peradaban Barat melibatkan pertembungan prinsip dan dasar yang amat jauh berbeza. Konsep sekular yang memisahkan agama dan politik yang dipegang oleh Peradaban barat amat berbeza dengan konsep Islam sebagai Ad-deen yang syumul yang menjadi teras peradaban Melayu. Begitu juga antara implikasi dari sistem ‘Raja Berperlembagaan’ dan ‘Sistem Monarki’ ternyata sangat berbeza. Ia ditambah lagi dengan sikap hegemoni Barat supaya Peradaban Melayu menerima apa yang dibawa oleh barat secara paksa, ini menjadikan pertembungan tersebut bersifat konflik.

Kedatangan Barat ke nusantara Melayu umumnya dan Brunei khususnya telah memberi kesan yang amat besar kepada perkembangan peradaban Melayu. Impak tersebut meliputi aspek politik, ekonomi serta juga juga sosial dan sebahagian dari impak tersebut terus kekal diwarisi sehingga ke hari ini. Jika melihat kepada tesis Huntington dalam *The Clash of The Civilizations*, beliau melihat faktor agama menjadi faktor utama dalam menentukan bentuk pertembungan yang berlaku. Faktor agama ini disebut oleh Huntington sebagai :

“To a very large degree, the major civilizations in human history have been closely identified with the world’s great religions; and people who share ethnicity and language but differ in religion may slaughter each other.” (Huntington, 1997:42)

Dalam konteks pertembungan antara peradaban Barat dan peradaban Melayu berdasarkan kenyataan Huntington, seolah-olahnya pertembungan Peradaban Melayu dan Peradaban Barat didominasikan oleh faktor agama. Peradaban Melayu berteraskan Islam manakala Barat pula mengibarkan bendera Kristian. Barat datang membawa agama Kristian dan Empayar Melayu Brunei pula merupakan sebuah empayar yang berteraskan kepada agama Islam. Kedua agama yang berbentuk misionari ini bertembung dan apabila wujud hegemoni barat untuk menyebarkan Krisitian di wilayah Melayu, berlakulah konflik. Umat Islam melihat Islam bukan hanya sebagai agama dalam peribadatan. Islam jalah ‘ad-din’ atau satu cara hidup yang mencakupi semua aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi dan sosial. Manakala Barat yang telah menghadkan peranan agama melalui sekularisasi, cuba memaksa masyarakat Melayu menerima sistem politik, ekonomi dan sosial yang mereka bawa. Ini menimbulkan konflik yang berterusan dan berpanjangan. Namun persoalannya kenapakah sewaktu bertembung dengan peradaban lain seperti India dan China, peradaban Melayu tidak cenderung untuk berkonflik?

Pada pendapat penulis, faktor agama semata-mata tidak menjadikan pertembungan antara peradaban cenderung untuk berkonflik. Sebaliknya sikap dan bagaimana sesebuah peradaban itu berinteraksi dengan peradaban lainlah yang mempengaruhi bentuk pertembungan. Pada pendapat penulis, peradaban Barat yang datang dibawa oleh orang barat pada hakikatnya bukanlah berteraskan ajaran agama Kristian sepenuhnya. Sebaliknya peradaban tersebut telah kehilangan sebahagian besar semangat dan roh ajaran Kristian. Sebaliknya

perjuangan Peradaban Barat dilihat lebih didorong atas kepentingan kebendaan semata-mata. Muhammad Asad, 1982:27 sewaktu membincangkan mengenai apakah hakikatnya peradaban Barat menyebut:

"Western civilization does not strictly deny God, but has simply no room or no use for Him in its present intellectual system." (Muhammad Asad, 1982:27)

Akibat dari sekularisasi yang berlaku dalam peradaban Barat agama Kristian telah kehilangan peranannya sedikit demi sedikit. Akhirnya agama Kristian tinggallah di dalam gereja manakala seluruh pentadbiran dan peradaban barat digantikan dengan satu "agama" baru iaitu menyembah kemajuan kebendaan. Kepercayaan agama baru ini ialah tidak ada matlamat lain dalam kehidupan ini melainkan supaya manusia dapat menjalankan kehidupan penuh dengan keseronokan dan keselesaan. Sifat agama baru yang menjadi asas kepada peradaban Barat ini digambarkan seperti berikut:

"The temples of this "religion" are the gigantic factories, cinemas, chemical laboratories, dance halls, hydroelectric works: and its priests are the bankers, engineers, film stars, captains of industry, record sportmen. The unavoidable result of this craving after power and pleasure is the creation of hostile groups armed to the teeth and determined to destroy each other whenever and wherever their respective interests come to clash. And on the cultural side the result is the creation of a human type whose morality is confined to the question of practical utility alone, and whose highest criterion of good and evil is material progress." (Muhammad Asad, 1982:37)

Konsep ‘*white man’s burden*’ yang dipopularkan oleh Rudyard Kipling dan didokong oleh Barat menambahkan lagi pertentangan antara Peradaban Barat dengan Peradaban Melayu apabila keduanya bertembung. Melalui konsep ‘*white man’s burden*’, masyarakat barat melihat bahawa orang timur adalah bangsa yang memerlukan bantuan Barat untuk mentamadunkan mereka dengan membebaskan orang timur dari segala kezaliman dan keganasan. Tugas mentamadunkan orang timur ini, mereka anggap sebagai satu beban dan tanggungjawab di atas bahu mereka orang barat yang perlu dilaksanakan dan ia hanya dapat dicapai melalui penjajahan. Konsep ini tentu sangat berbahaya, melihat peradaban mereka sebagai lebih ‘superior’ dari peradaban lain. Sikap memandang rendah peradaban lain ini bukan berasaskan roh keagaman termasuklah juga ajaran Kristian tetapi berasaskan kepada semangat materialistik dan dipengaruhi fahaman Darwinisme untuk menekan dan menguasai orang lain. Hakikatnya beban yang mereka nyatakan itu adalah bagi melindungi beban sebenar yang tersembunyi iaitu bagi mendapatkan bekalan bahan mentah bagi memenuhi keperluan revolusi perindustrian di negara mereka. Berdasarkan prinsip-prinsip yang telah dibincangkan diatas, ternyata peradaban Barat yang datang bukan berteraskan prinsip agama Kristian seperti peradaban yang lain yang telah dibincangkan sebelum ini, sebaliknya ia berteraskan kepada materialisme.

Peradaban Melayu yang berteraskan Islam menjunjung tauhid, menghayati syariat dan memuliakan akhlak. Manakala peradaban Barat pula menjunjung

kemajuan saintifik, memperjuangkan demokrasi dan hak asasi. Disebabkan perbezaan dasar yang ketara antara kedua peradaban ini, menjadikan pertembungan keduanya tidak seiring, malah sering bercanggah.

Pada dasarnya, kuasa barat seperti Portugis, Sepanyol, British dan Amerika Syarikat sebenarnya mengakui kedaulatan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara ataupun wilayah. Ini terbukti melalui perjanjian-perjanjian yang dimeterai dengan Brunei Darussalam sebagai sebuah wilayah yang berdaulat, contohnya Perjanjian Brunei Darussalam –British 1847 dan Perjanjian Brunei Darussalam – Amerika Syarikat 1850. Bahkan kuasa barat ini juga mengakui ketinggian tahap ketamadunan yang wujud di Brunei Darussalam. (Graham Irwin, 1986:5, Sabihah Osman, Robert Nicholl). Ini juga disebut oleh Ranjit Singh, 1984:

“When the Portuguese and the Spaniards arrived in the East they found that Brunei was a established state with an affluent court and established administrative, social and legal structures, and was also powerful enough to command an empire” (Ranjit Singh, 1984:6)

Quigley dan Akbar Ahmad bersetuju bahawa pertembungan dengan peradaban Barat adalah faktor kepada kejatuhan Peradaban Islam. Namun yang membezakan mereka ialah Quigley berpendapat itu sebagai penghujung ataupun tahap kehancuran Peradaban Islam sedangkan Akbar Ahmad berpendapat sebaliknya.

Quigley melihat kemampuan Peradaban Barat untuk mengembangkan faktor “instrumen peluasan” pada tahap 3 sedangkan peradaban Islam tidak menemui instrumen tersebut ataupun ketinggalan dalam aspek penciptaan, menjadi kelemahan peradaban Islam dan seterusnya membawa kepada kekalahan peradaban Islam di tangan peradaban Barat.

Selain daripada itu, bentuk pertembungannya lebih kepada konflik. Ini tergambar dalam bentuk Peperangan Kastila, tipu muslihat serta beberapa perjanjian yang bersifat paksaan dan ugutan. Kekerasan Sepanyol dan kebencian orang Melayu terhadap penjajah Barat telah menyebabkan interaksi budaya dan ilmiah hampir mustahil berlaku pada masa itu.

Ternyata faktor Islam yang telah menyerap di dalam jiwa pemerintah dan masyarakat Melayu di Brunei menjadikan mereka tidak rela agama dan kepercayaan selain Islam masuk dan berkembang. Malah ternyata Brunei telah menjadi benteng kepada kemasukan Kristian yang dibawa oleh Sepanyol. Kawasan di bawah Brunei di Borneo dimana hanya bangsa lain yang dapat dikristiankan, sebaliknya orang Melayu masih kekal berpegang kepada agama Islam.

Peradaban Barat yang asalnya berpegang kepada Agama Kristian, malangnya telah secara sedikit-demi sedikit melepaskan dirinya dari panduan agama tersebut . Malah sewaktu kedatangannya ke alam Melayu ia tidak lagi dibimbing oleh ajaran Kristian, sebaliknya kedatangan mereka lebih diransang oleh agama baru iaitu kemajuan kebendaan. Agama baru Barat ini mempunyai

aqidah dan sistem kepercayaannya sendiri seperti yang dijelaskan oleh Abu Hassan Ali An-Nadwi:

“Tanpa ragu-ragu lagi, kita dapat tegaskan di sini bahawa ‘aqidah barat hari ini bukanlah agama Kristian, tetapi materialisme. Eropah telah lama menjadi penyembah berhala dan sejak itu juga ia mengaku menganut agama fahaman Kristian. Akan tetapi ia tidak pernah menunjukkan ikatan yang begitu erat sekali kepada ‘aqidah ini dan mengikutinya dengan ta’sub sekali sepertimana yang sedang dilakukan sekarang, khususnya terhadap ‘aqidah materialisme.” (Abu Hasssan Ali An-Nadwi, 1989:109)

Akibat daripada perbezaan yang amat ketara di antara peradaban barat yang bertunjangkan materialisme dan peradaban Melayu yang berteraskan ajaran tauhid Islam, maka seringkali pertembungan antara keduanya membawa konflik.

Berdasarkan percanggahan inilah, maka dilihat Peradaban Barat semakin pudar keupayaannya untuk berdialog secara harmoni dengan peradaban lain yang ditunjangi oleh agama tradisional. Bolehkah berlakunya satu interaksi yang harmoni dengan sebuah peradaban yang sangat tipisnya semangat toleransi, malah menebalnya sifat materialistik dan pencabulan nilainya? Persoalan ini telah dan sedang malah akan terus dibahaskan oleh para sarjana dan pemikir. Muhammad Asad sekali lagi menyebut dengan tegas perkara tersebut:

“But then, there can be no greater error than to consider Western civilization as an outcome of Christianity. The real intellectual

foundations of the modern west are, as already mentioned, to be found in the old Roman conception of life as purely utilitarian proposition without any transcendental considerations. ... There can be no doubt that this attitude, so the characteristic of modern civilization, is unacceptable to Christianity as it is to Islam or any other religion, because it is irreligious in its very essence.”

(Muhammad Asad, 1982:28)

Dalam menerima sesuatu yang datang dari barat, bangsa Brunei perlu bijak untuk memilih serta menapis agar ia tidak memberi impak kepada jatidiri bangsa Melayu Islam Brunei. Ini disebut oleh Hashim Abd. Hamid sebagai berikut:

“Bangsa atau orang Brunei yang mengambil barat secara total lalu dipergesekan dengan nilai-nilai Brunei, baik dalam pendidikan atau dalam gerakan humanisme, akan mewujudkan kelinggaran budaya dan kejanggalan pola fikir. Jadilah masyarakat kita berbelah bahagi (schizophrenia), misfit, serba salah (ambivalent) dan tersing dari jati budayanya.” (Hashim Abd Hamid, 1999:173)

Perkembangan yang berlaku dalam peradaban Barat menggambarkan satu peralihan secara evolusi ataupun perlahan-lahan daripada pergantungan terhadap agama kepada keyakinan dan pemusatkan kepada kemajuan sains dan akal semata-mata.

Ternyata ikatan peradaban barat terhadap agama semakin longgar dan seterusnya terungkai apabila revolusi industri mencorakkan bentuk dan pola pemikiran masyarakat Barat. Dengan menggunakan istilah pembaharuan dan

positivism, mereka berusaha melepaskan diri dari belenggu agama dan seterusnya berpegang terus kepada sains dan kebendaaan. Akhirnya agama tinggal di pinggiran dan hanya menjadi aktiviti ritual di dalam gereja sahaja . Maka lengkaplah sekularisasi di dalam peradaban barat.

Sebaliknya, peradaban Melayu telah mantap dengan teras Islam yang menyerap ke dalam jiwa dan minda bangsa Melayu. Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap ternyata mempunyai manhajnya tersendiri yang diasaskan atas ajaran Tauhid Rabbani. Ini ternyata sangat berbeza sekali dengan peradaban Barat dan menjadikan kedua-duanya amat sukar untuk berkompromi apabila keduanya bertembung. Jelas ini berbeza sekali apabila peradaban melayu bertembung dengan peradaban lain yang juga diasaskan atas ajaran agama seperti Peradaban China yang berasaskan Konfusius dan India berasaskan Hinduism.

Salah satu sebab utama kejatuhan dan merosotnya peradaban Islam menurut Akbar Ahmad ialah akibat daripada pertembungannya dengan peradaban Barat yang natijahnya ialah kolonialisasi.

"Colonial rule for Muslims was an unmitigated disaster. No arguments about Europe providing railways and telegraph, or maintaining law and order, can conceal or assuage this fact. Colonization affected the Islamic ideal by contorting and smothering it. During the colonial century Muslims would wage a desperate battle to salvage the ideal. The cost would be heavy, and Muslims are still paying them." (Akbar Ahmad, 1990:117)

Quigley pula mengatakan:

“Stage 7 is the Stage of Invasion, when the civilization, no longer able to defend itself because it is no longer willing to defend itself, lies wide open to “barbarian invaders.” These invaders are “barbarians” only in the sense of that they are “outsiders.” Frequently these outsiders are another, younger, and more powerful civilization.” (Quigley, 1961:160)

Dalam konteks Peradaban Melayu di Brunei Darussalam, impak pertembungan dengan Peradaban Barat ini disokong oleh Ranjit Singh yang melihat bahawa beberapa siri perperangan dengan Sepanyol sebagai salah-satu sebab kepada kemerosotan peradaban Melayu di Brunei.

“Though Brunei was able to recover from the catastrophe, the episode nevertheless left a lasting mark on Brunei’s prestige and power.” (Ranjit Singh, 1984:24)

Menurut Akbar Ahmad pula, prinsip peradaban Barat ternyata sangat bertentangan dengan prinsip peradaban Islam yang telah menjadi teras kepada Peradaban Melayu. Pertentangan ini membawa kepada konflik dan pertembungan dengan peradaban Barat telah mengakibatkan kolonialisasi. Kolonialisasi jelas membuka ruang kepada pelaksanaan satu kerangka baru beracuankan peradaban Barat dan ini menjaskan banyak aspek penghayatan Islam sebagai Ad-din dalam peradaban Melayu.

Mereka melihat bangsa Melayu dengan prejedis. Mereka melihat bangsa Melayu tidak mempunyai apa-apa yang boleh disumbangkan. Mereka beranggapan alam Melayu tidak mempunyai sesuatu yang berharga melainkan hanyalah rempah-ratus. Pemikiran ‘*white man’s burden*’ menjadi tembok kepada interaksi serta dialog ilmiah. Konsep ‘*white man’s burden*’ atau beban orang kulit putih (Rudy Kaplan) bermaksud bahawa orang kulit putih telah dibebankan dengan tanggungjawab memakmurkan alam serta mentamadunkan bangsa lain. Teori Darwinism yang juga berkembang pada masa tersebut turut mempengaruhi pemikiran penjajah yang seterusnya memberi kesan kepada peradaban Melayu.

Daripada perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa maksud hidup dan arah tujuan antara Peradaban Barat dengan Peradaban Melayu yang berteraskan Islam adalah amat bertentangan antara satu sama lain. Pertentangan ini seterusnya pastilah mencorakkan pola yang sukar untuk dicari titik pertemuan antara keduanya apabila keduanya bertembung.

Dr. Carolina Lopez C, Felo Pelawat UKM telah membuat perbandingan antara peradaban barat dan peradaban Melayu menggunakan Analisa Struktur Ideologi (Ideological-Structure Analysis (I-S-A)) untuk melihat sebarang persamaan dan perbezaan struktur ideologi kedua-dua peradaban tersebut. Hasil dari analisa tersebut beliau menyimpulkan:

“The British in colonial Malaysia were products of the western post-Enlightenment tradition, which assumes such concepts as the separation of religion and politics, whereas the Malay system evolved from the notion of the semi-divine status of the ruler. As such, to the malay mind, the separation of religious and political matters was meaningless. Whereas the British envisioned a constitutional role for the monarch, the Malay system was an absolute monarchy to which all people were subjects. Where the British saw the state as being at the service of society, the malay Kerajaan system was such that individuals were largely at the service of the Raja.” (Carolina Lopez C, 2001:24)

Walaupun analisa di atas dibuat merujuk kepada British di Malaysia, tetapi ia adalah merujuk perbandingan antara peradaban Barat dan Peradaban Melayu. Oleh itu dalam konteks Peradaban Melayu di Brunei ia juga adalah relevan.

4.4 Pengaruh Peradaban Barat

Pertembungan Peradaban Barat dengan Peradaban Melayu di Brunei Darussalam yang berterusan dalam tempoh yang panjang serta diikuti dengan penjajahan tentu memberi pengaruh yang besar terhadap peradaban Melayu dalam pelbagai aspek. Berikut dibincangkan pengaruh-pengaruh tersebut.

4.4.1 Aspek Politik

Pengaruh terbesar daripada pertembungan dengan Barat terutamanya British ialah dalam aspek politik. Sedikit demi sedikit Brunei telah kehilangan

penguasaan politik ke atas wilayahnya. Seawal pertembungan dengan Sepanyol, terdapat beberapa negara di bawah naungan Brunei mula berusaha melepaskan diri dari Brunei. Ini berlaku sewaktu Brunei sibuk mempertahankan dirinya dari serangan Sepanyol. (Abdul Latif Haji Ibrahim, 1999:218). Seterusnya kedatangan kuasa Barat seperti Amerika dan diikuti dengan British, menjadikan beberapa kawasan lagi jatuh ke tangan Barat. Sarawak kemudian diikuti Sabah, Labuan dan Limbang. Barat ingin pergi lebih jauh daripada itu. Kemuncak kepada terhakisnya kekuasaan politik mereka ialah apabila British meletakkan seorang Residen di Brunei. Sistem Residen telah menukar corak pemerintahan Melayu Tradisi sebelum itu. Walaupun Residen dikatakan hanya sebagai penasihat kepada Sultan dalam hal-hal pentadbiran, namun kesannya adalah sama seperti di Tanah Melayu. (Abdul Latif Haji Ibrahim, 1999:220)

4.4.2 Aspek Perundangan

Barat datang juga memperkenalkan sistem perundangan mereka. Ini amat berbeza dengan perundangan Brunei sebelum itu yang diasaskan atas perundangan syarak dan adat-istiadat Melayu. Segalanya bermula dari sistem Residen yang diperkenalkan oleh British di Brunei. Mohd. Nasran Mohamad menyebut implikasi tersebut:

“Bermula dari sinilah British telah mula campurtangan dalam semua urusan dalam negara Brunei kecuali yang berhubung dengan agama Islam. Ini bermakna dari sudut pelaksanaan undang-undang, Sultan hanya mempunyai kuasa terhadap Undang-undang

Diri atau Keluarga (Personal Status) yang hanya melibatkan orang Islam sahaja.” (Mohd. Nasran Mohamad, 2003:484)

British telah melaksana undang-undang Common Law British dengan disesuaikan dengan keadaan tempatan. Pengaruh ini ternyata amat berpanjangan. Sama seperti di Malaysia, undang-undang ini terus diterima pakai di Brunei walaupun telah mencapai kemerdekaan pada 1984.

4.4.3 Aspek Pemikiran

Yusuf Al-Qardhawi dalam menyebut tentang keistimewaan Peradaban barat menyebut bahawa dengan kemajuan matematik, fizik dan aplikasi teknologinya, peradaban barat telah memberikan manusia kemampuan dan kekuatan yang belum pernah diberikan oleh sesiapapun sebelum ini. Peradaban barat telah memendekkan jarak untuk manusia, mendekatkan tempat dan menjimatkan masa dengan pengangkutan moden, telekomunikasi , bioteknologi dan segala bentuk keajaiban yang baru. Ciri selanjutnya keistimewaan peradaban barat ialah perkembangannya yang tidak pernah beku, beralih-alih dari satu perkembangan ke satu perkembangan yang lain, dari zaman dayung ke zaman wap, seterusnya ke zaman elektrik, berubah ke zaman komputer dan kejuruteraan genetic. Peradaban ini juga turun memberikan manusia daya penggerak yang mendorong manusia untuk mencipta dan mereka sesuatu yang baru, menyediakan suasana yang menggerakkan kepada kecemerlangan dalam maju ke depan, menyediakan pengurusan yang baik dan mewujudkan masyarakat yang menjaga kebebasan individu manusia. (Yusuf Al-Qardhawi, 2000:5-8)

Melihat kepada kehebatan yang telah ditawarkan oleh Peradaban Barat ini, menjadikan sebahagian besar masyarakat Melayu terpesona dan melihat peradaban Baratlah yang menjadikan mereka akan maju dan moden. Sumbangan positif peradaban Barat tersebut tidak sepatutnya menjadi alasan untuk kita menerima keseluruhan peradaban barat itu sebagai baik dan berguna untuk kita. Malangnya ia telah mempengaruhi pemikiran bangsa Melayu secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, Yusuf Al-Qardhawi masih berpendapat bahawa peradaban Barat hanyalah peradaban peralatan dan mesin, bukannya peradaban yang mempunyai matlamat dan tujuan.

Hashim Abd Hamid menyebut tentang kesan pertembungan dengan Barat ini terhadap pemikiran bangsa Melayu dan bagaimana orang Melayu mula terpengaruh dan terpesona dengan pemikiran dan peradaban Barat.

“Akibat kemerosotan empayar Brunei dan pemujaan kepada Inggeris, imej kita yang terbilang dan terjulang telah diremehkan. Jadilah bangsa Brunei seperti bangsa Melayu lain yang terjajah diberi imej negatif, walaupun dahulu kita tidak sedimikian. ... Kita seolah-oleh client seumur hidup kepada Barat. Lantas level of mind kita dalam paras yang amat ke bawah dikelaskan sebagai ‘U’ atau the closing of the Malay mind. Akhirnya kita menjadi client – kebergantungan kepada Inggeris selama kurang sedikit 100 tahun. Dan apabila ada suara-suara yang datangnya daripada BARIP untuk merdeka, ada kalangan kita tidak percaya bahawa kemerdekaan boleh dicapai. Alasan yang mereka berikan ialah “bisai tah orang putih memerintah, indak kitani berabut-rabut kan bakuasa.” Atau ada juga kata-kata yang mengatakan “manakan

kitani boleh merdeka, jarum pun belum boleh kitani buat.””

(Hashim Abd Hamid, 1999:139)

Ternyata kesan daripada hampir seratus tahun terjajah, telah mempengaruhi cara berfikir bangsa Melayu. Kesan ini amat sukar untuk dihapuskan, lebih-lebih lagi dalam masa yang singkat. Pengaruh pemikiran ini menjadikan mereka terpersona dengan peradaban Barat. Keupayaan barat menjajah bangsa Melayu dijadikan premis bahawa peradaban barat lebih maju dan lebih hebat serta lebih baik. Oleh itu jika ingin maju kita hendaklah mengikuti mereka. Kecenderungan untuk meniru bulat-bulat peradaban asing adalah akibat daripada rasa rendah diri atau inferioriti. (Muhamad Asad, 1982:77)

Secara umumnya, peradaban Barat mengambil pendekatan berkonflik apabila bertembung dengan peradaban Melayu. Mereka melakukannya melalui kolonialisma, serangan pemikiran dan propaganda yang merosakkan. Ketiga-tiga metod ini nampaknya telah dipergunakan sepenuhnya oleh penjajah Barat terhadap Indonesia, Tanah Melayu, Brunei dan negara-negara lain secara peringkat demi peringkat. (Md. Amin Abdul Rahman, 2003:436)

Pertembungan dengan peradaban Barat ternyata telah memberi impak yang besar kepada Brunei Darussalam. Ranjit Singh dalam menganalisa kemerosotan Kerajaan Melayu Brunei menyimpulkan betapa besarnya kesan pertembungan dengan Peradaban Barat terhadap kemerosotan Brunei. Akibat peperangan dengan Sepanyol, diikuti dasar monopoli perdagangan Belanda dan seterusnya penguasaan British secara halus, semua kuasa Barat ini telah

mengakang penguasaan ekonomi dan politik Brunei sehingga akhirnya satu-persatu wilayah Brunei jatuh kepada kuasa barat.

“Brunei suffered not only territorial encroachments at the hands of native and European powers; she also encountered commercial competition and experienced economic decline.” (Ranjit Singh, 1984:32)

Umumnya, berdasarkan keseluruhan pengaruh pertembungan di atas, di antara kesemua penjajah barat yang datang, jelaslah interaksi dengan British mempunyai pengaruh besar terhadap peradaban Melayu di Brunei. British lebih memberi pengaruh besar berbanding dengan bangsa barat yang lain disebabkan beberapa faktor. Antaranya ialah faktor tempoh penjajahan mereka yang lebih lama berbanding dengan kuasa lain seperti Sepanyol dan Amerika Syarikat. Selain daripada itu, apa yang menarik juga ialah penguasaan ketenteraan dan politik seterusnya diperkuuhkan lagi dengan penguasaan pendidikan. Melalui media pendidikan ini ternyata ia telah banyak mempengaruhi pemikiran bangsa Melayu dan menjadikan pertembungan dengan mereka lebih memberikan pengaruh dibandingkan dengan kuasa barat yang lain. Kedatangan British ke alam Melayu yang bertepatan dengan waktu perkembangan revolusi intelektual serta revolusi perindustrian. (Gelombang kedua menurut Alvin Toffler) untuk tujuan keperluan untuk mendapatkan bahan mentah yang semakin meningkat yang banyak terdapat di sebelah timur membawa bersama segala macam kemajuan sains dan teknologi ketika itu. Ternyata kesemua faktor tersebut telah menyumbang kepada pengaruh yang sangat mendalam terhadap naik turun

perkembangan peradaban Melayu di Brunei Darussalam serta mempengaruhi sebahagian daripada bentuk pemerintahan Brunei hari ini.